dasar-dasar dan program-program yang telah ditetapkan, bagi membawa kemajuan dan kemakmuran ~~yang adil~~ serta keamanan kepada rakyat. Rancangan Malaysia Ketiga, yang merupakan lanjutan usaha rancangan-rancangan sebelumnya, adalah berasaskan kepada Dasar Ekonomi Baru.

8. Dasar Ekonomi Baru adalah bertujuan membasmikan kemiskinan di kalangan rakyat miskin, tanpa mengira kaum, dan menyusun semula masyarakat Malaysia berbilang kaum, yang kini dikenali mengikut identiti ekonominya. Matalamat utamanya, ialah mengeratkan perpaduan yang telah sedia wujud dan terjalin, serta menjamin keselamatan negara, supaya rakyat dapat kekal hidup dalam aman, makmur dan bahagia.